

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan tentang peranan yang dimainkan oleh Baitul Mal Aceh melalui program agihan dana zakat produktif terhadap pembangunan usahawan asnaf. Objektif kajian ini adalah untuk melihat bagaimana mekanisme pengagihan, pengaruh program, serta menganalisis peranan institusi Baitul Mal Aceh dan merumuskan strategi yang memiliki asas dan fakta di persekitaran *external* dan *internal* bagi meningkatkan peranannya. Metode yang digunakan adalah kajian perpustakaan, temu bual, dan mengedarkan soal selidik kepada pihak-pihak yang berkaitan. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan unsur-unsur sosiologis, falsafah, ekonomi, budaya dan hukum. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif, deskriptif dan eksploratif yang mengkaji gambaran sebenar yang berlaku mengenai peranan dan strategi Baitul Mal Aceh dalam pembangunan industri kecil. Untuk mendedahkan kualiti kekuatan dan kelemahan Baitul Mal Aceh maka digunakan pendekatan analisis SWOT. Hasil kajian mendapati bahawa mekanisme pengagihan modal usaha zakat produktif menggunakan instrumen *qardul hasan* yang tidak memerlukan jaminan dan insurans, dilakukan dengan mudah dan ringkas. Satu kaji selidik telah dijalankan ke atas penerima agihan modal usaha zakat produktif dan hasil kajian mendapati bahawa sebelum agihan zakat, majoriti penerima bantuan adalah miskin (67.6%) dan mereka adalah pengusaha industri kecil di sektor perniagaan, pertanian, dan penternakan. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa pengaruh agihan zakat produktif tersebut telah dapat meningkatkan pendapatan *mustahik* dan tiada lagi dari mereka yang berpendapatan kurang daripada Rp 1 juta ke bawah. Kesemua mereka telah mampu memenuhi keperluan asas kehidupan rutin seharian termasuk keperluan asas kepada pendidikan, kesihatan, kediaman dan tabungan. Berasaskan kepada hasil analisis SWOT, kajian ini mendapati bahawa Baitul Mal Aceh berada pada posisi yang strategi menggunakan kekuatan dan peluang untuk mengatasi kelemahan dan ancaman. Kekuatan dan peluang tersebut harus dimanfaatkan Baitul Mal Aceh untuk meningkatkan posisi kompetitifnya. Di samping itu, Baitul Mal Aceh berada dalam kondisi prima sehingga sangat memungkinkan untuk terus melakukan pengembangan, memperbesar pertumbuhan dan boleh mendapatkan kejayaan secara maksimum dalam pembangunan masyarakat miskin khususnya usahawan asnaf. Agihan zakat produktif telah memainkan peranan yang ketara dalam kelangsungan hidup seharian *mustahik*. Dengan ini terbukti bahawa Baitul Mal Aceh telah berperanan dalam pembangunan usahawan asnaf dengan bantuan modal kepada *mustahik* khusus dari kalangan usahawan terutamanya dalam menggerakkan industri kecil di Aceh.

Kata kunci: Peranan, Baitul Mal, Pembangunan, Industri Kecil.